

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah gula yang diimport ke negara kita dalam tahun 2012, 2013 dan 2014 dan harga import gula masing-masing. Siapakah pengimport gula dan apakah market share mereka masing-masing.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah import gula mentah ke negara kita dari tahun 2012 hingga 2014 ialah seperti berikut:

Tahun	Kuantiti (Metrik Tan)
2012	1,742,420
2013	1,769,263
2014	1,925,070

Terdapat empat (4) buah syarikat pengilang gula tempatan yang mengimport gula mentah untuk mengeluarkan gula bertapis bagi memenuhi keperluan pasaran domestic iaitu:

- i) Malaysian Sugar Manufacturing Sdn Bhd;
- ii) MSM Perlis Sdn Bhd;
- iii) Central Sugar Refinery Sdn Bhd; dan
- iv) Gula Padang Terap Sdn Bhd.

Harga gula mentah yang dibeli oleh pengilang pada tahun 2012-2014 ialah dengan harga purata USD0.26 cents/lb berikutan Long Term Contract (LTC).

Pegangan pasaran pengilang bagi tahun 2014 ialah:

- i) Malaysian Sugar Manufacturing Sdn Bhd (45%);
- ii) MSM Perlis Sdn Bhd (27%);

- iii) Central Sugar Refinery Sdn Bhd (14%); dan
- iv) Gula Padang Terap Sdn Bhd (14%).